

SIDANG TAHUNAN INSTITUT TIMUR TENGAH

# Fahami hal geopolitik antara resipi S'pura kekal relevan di dunia

► NORHAIZA HASHIM  
norhaiza@sph.com.sg

KEJAYAAN dan penakatan Singapura bergantung pada kemampuan warganya memahami apa yang berlaku di dunia, termasuk di Timur Tengah dan Afrika.

Hanya dengan cara itu negara ini dapat mengetahui kedudukannya dan bagaimana kekal relevan di dunia, kata Menteri Perdagangan dan Perusahaan Chan Chun Sing.

“Prinsip penakatan kita belum berubah sejak 1965. Jika mahu berjaya, kita harus kekal terhubung dengan dunia... Dunia ialah ‘kawasan pedalaman’ kita.

“Kita perlu mempunyai pemahaman mendalam mengenai apa yang berlaku di dunia, bukan sahaja di Amerika Syarikat, China atau Eropah, malah tempat lain seperti Timur Tengah, Asia Tengah dan Afrika.

“Apabila tahu apa yang berlaku di dunia, barulah kita dapat memahami dengan jelas bagaimana cara meletakkan Singapura agar kekal relevan,” ujarnya.

Beliau berkata demikian menerusi dialog dalam Sidang Tahunan Institut Timur Tengah (MEI) anjuran bersama MEI dan Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

Sidang bertajuk *Titik Penting Timur Tengah: Inisiatif Belt and Road (BRI) China Antara Geostrategi dan Peluang Komersial* itu diadakan di Hotel Goodwood Park.

Acara tersebut bertujuan mengupas interaksi China di Timur Tengah melalui projek prasarana mega, BRI.

Menteri Kanan Emeritus Goh Chok Tong merupakan tamu terhormatnya.

Dalam dialog yang dipimpin pengerusi MEI Bilahari Kausikan itu, Encik Chan menggalak warga Singapura melawat negara seperti di Timur Tengah untuk memahami rantau itu, kemudian kembali ke tanah air bagi memperkaya pemahaman Singapura mengenai rantau sedemikian.

Menurut Encik Chan, apa yang



**FAHAMI RANTAU TIMUR TENGAH:** Encik Chan (*kiri*) berkata sekitaran Timur Tengah amat rumit atas tiga sebab – persaingan intra-Timur Tengah dan rebut kuasa, ideologi dan agama. Beliau berkata demikian dalam dialog yang dipengerusikan Encik Bilahari Kausikan (*kanan*) semalam. – Foto-foto CMG

berlaku di Timur Tengah akan memberi pengajaran kepada Singapura dan Asean mengenai peri pentingnya penyepaduan rantau ini demi kejayaan bersama.

Dalam ucapannya sebelum dialog itu, Encik Chan berkata sekitaran Timur Tengah amat rumit atas tiga sebab.

Pertama, persaingan intra-Timur Tengah dan rebut kuasa, ideologi

dan agama akan lebih banyak berlaku pada masa depan.

Dalam abad lalu sahaja, beberapa konflik berlaku seperti konflik Arab-Israel, Perang Teluk dan Perang Iran-Iraq.

Kedua, Timur Tengah kekal sebagai wadah bagi proksi perebutan kuasa dalam bidang seperti agama, perbekalan dan kuasa.

Ketiga, Timur Tengah, yang

mempunyai sumber perbekalan yang kaya serta kuasa ideologi, mempunyai potensi mempengaruhi dunia.

Menyentuh perihal kepentingan China dalam Timur Tengah, beliau berkata “kita tidak harus terkejut dengan kepentingan China yang berkembang di Timur Tengah”.

Seperti kuasa dunia dalam sejarah, China akan mempunyai kepentingan dalam bidang seperti la-

luan komunikasi strategik penting melalui darat, laut dan udara; sumber minyak dan gas; dan mungkin juga agama, terutama pengaruh Islam terhadap minoriti Muslim di China.

BRI akan menjadi peluang utama bagi China memenuhi jurang prasarana di negara lain termasuk Timur Tengah, tambahnya.

Dilancar lima tahun lalu oleh China, BRI merupakan projek

mega bagi membangunkan rangkaian prasarana menghubungkan China melalui jalan darat dan laut ke kawasan Asia Tenggara, Asia Tengah, Timur Tengah, Eropah dan Afrika.

Projek mega itu melibatkan pelaburan China yang mencecah sebanyak AS\$1.5 trilion (\$2.04 trilion) di Asia sahaja bagi projek prasarana seperti pelabuhan, hab perindustrian, rel dan jalan raya.